

Nisbah pelajar, pensyarah perubatan mesti dipertahankan

TIDAK dinafikan profesion perubatan, terutama di hospital atau pusat perubatan swasta menjanjikan tawaran lumayan. Namun, ramai pensyarah melupakan tarikan itu semata-mata untuk mengajar dan menjadikan anak bangsa seorang doktor bagi memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Malangnya, tanggungjawab sebegitu besar tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya dan setimpal dengan pengorbanan mereka. Apakah insentif dan ganjaran yang diterima sepadan dengan pengorbanan mereka walaupun setiap hari berdepan dengan beban kerja di universiti dan tugas merawat pesakit di hospital kerajaan?

Jangan terkejut jika gaji yang diterima pensyarah perubatan di institut pengajian tinggi adalah lapan kali ganda lebih rendah berbanding habuan diterima rakan mereka yang berkhidmat di sektor swasta.

Oleh itu, tindakan proaktif perlu diambil bagi menarik minat pakar perubatan menjadi pensyarah bagi menangani masalah kekurangan pensyarah di fakulti perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azhar Md Zain, berkata langkah yang perlu diambil ialah meningkatkan skim perkhidmatan, kenaikan gaji dan menawarkan insentif lebih baik bagi pensyarah dalam bidang perubatan.

Katanya, cara itu dapat menarik lebih ramai tenaga pengajar seterusnya menangani masalah kekurangan pensyarah perubatan di IPTA yang semakin meruncing.

"Kita mempunyai ramai doktor, tetapi mereka tidak berminat untuk menjadi pensyarah kerana gaji dan insentif tidak menarik.

"Jadi, kenapa kita tidak naikkan gaji sebagai tarikan untuk mendapatkan tenaga pengajar.

"Lagipun, berbanding pensyarah bidang lain, selain mengajar, pensyarah perubatan perlu membuat penyelidikan dan merawat pesakit.

"Oleh itu, sewajarnya skim gaji mereka dipertimbangkan," katanya.

Dr Azhar berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam juga perlu mewujudkan lebih banyak jawatan pensyarah perubatan di uni-

SKOP

ISU pelajar layak, tetapi tidak berjaya mendapat kursus pilihan pertama yang dipohon seperti yang berlaku kepada 128 lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia mendapat perhatian Kabinet. Ia merungkai beberapa persoalan berbangkit seperti masalah kekurangan pensyarah serta peningkatan nisbah pensyarah dengan pelajar daripada 1:4 kepada 1:6. Umpama rahmat di sebalik kemelut, kekecohan berlaku memberi pengharapan baru kepada masalah berterusan yang melanda nasib pensyarah perubatan sekian lama iaitu gaji diterima tidak sepadan beban kerja digalas. Wartawan **HASLIZA HASSAN** mengupas isu insentif pensyarah perubatan, keperluan mengkaji semula nisbah serta bidang sains lain yang tidak diteroka pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

versi bagi memudahkan pihak pengurusan menambah pensyarah di bidang berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mengulas isu 128 pelajar perubatan mengakui tawaran lumayan dalam profesion berkenaan menyukarkan tenaga profesional meninggalkan bidang itu semata-mata untuk menjadi pensyarah.

Katanya, kerajaan akan mengkaji kemungkinan menaikkan gaji pensyarah perubatan bagi menarik penyertaan lebih ramai tenaga profesional dari bidang itu sebagai tenaga akademik.

Pensyarah perubatan perlu menjadi pakar dalam bidang masing-masing terlebih dulu sebelum boleh menjadi tenaga pengajar di universiti dan tidak dinafikan proses ini memakan masa lama antara tujuh hingga 10 tahun.

Selepas tamat pengajian di universiti, graduan perubatan perlu berkhidmat di hospital kerajaan selama tiga tahun, kemu-

dian menyambung pengajian untuk menjadi seorang pakar.

Dr Azhar berkata, walaupun proses itu mengambil masa lama, sekurang-kurangnya mampu menyelesaikan masalah jangka panjang dengan syarat penambahan pensyarah diperkukuh dengan penyediaan kemudahan infrastruktur pembelajaran selesai.

Katanya, dengan perancangan serta perediaan teliti, nisbah pelajar dan pensyarah akan dapat dikekalkan walaupun bilangan pelajar yang ingin mengikuti bidang perubatan di IPTA bertambah setiap tahun.

Menurutnya, penyusunan semula itu tidak perlu dilakukan secara mendadak, sebaliknya dibuat berperingkat kerana penyediaan kemudahan infrastruktur penyelidikan, keperluan tenaga pengajar dan latihan klinikal membabitkan kos tinggi.

Menyentuh kualiti pelajar perubatan yang dihasilkan universiti tempatan, beliau ber-



Prof Dr Azhar Md Zain

kata, selain pemeriksa dalaman, UPM mempunyai pemeriksa dari universiti luar negara seperti England, Australia dan Singapura.

"Jika pemeriksa berpendapat pelajar kita setanding dengan pelajar fakulti perubatan di universiti mereka, bermakna kita tidak ada masalah, standard kita memang bagus," katanya.

Bagaimanapun, katanya, apa yang dikhuatirkan ialah jika nisbah pelajar tidak setanding pensyarah, akan timbul komen graduan negara tidak setanding graduan luar negara menyebabkan standard bidang pengajian perubatan jatuh.

Justeru, kerajaan perlu memikirkan langkah memastikan nisbah antara pelajar dan pensyarah bidang perubatan dikekalkan 1:4 atau tidak melebihi 1:6 bagi menjamin mutu serta standard pakar perubatan yang bakal dihasilkan.

Jumlah pelajar dengan pensyarah perubatan di UPM setakat ini ialah 1:3.8 dan nisbah itu dijangka berubah kepada 1:4 atau mungkin lebih pada tahun depan dengan kemasukan pelajar baru.

"Itu adalah nisbah yang ideal dan diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi menjamin kualiti bakal profesional selain memastikan pengajaran serta penyeliaan lebih berkesan," katanya.